

PM mahu 3 halangan pembangunan diatasi

BH - 6/6/2006

Projek kurang pemantauan, selenggara jejas matlamat RMK-9

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mahu semua projek pembangunan untuk rakyat dipantau, diselenggara dengan sempurna dan dimanfaatkan sebaiknya bagi memastikan ia memenuhi matlamat sebenar pelaksanaan.

Perdana Menteri berkata, masih wujud kelemahan dalam tiga aspek itu dan jika tidak ditangani, ia boleh mengundang masalah terutama dari segi pelaksanaan program Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang kini sudah bermula.

Sambil memperincikan tiga perkara utama itu, beliau berkata, lazimnya kerajaan akan dipersalahkan jika sesuatu projek gagal meskipun

ia mungkin berpunca daripada kelemahan pihak pelaksana projek atau kontraktor.

"Jika tiga perkara itu tidak diberi perhatian, maka boleh berlaku pembaziran apabila projek tergendala atau terbengkalai. Kemudahan awam yang disediakan pula rosak disebabkan tiada penyelenggaraan.

"Oleh itu, amat penting pemantauan dilakukan pada peringkat awal supaya kita dapat mengesan masalah," katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan kakitangan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan turut terkilan mendapati ada dewan orang ramai yang dibina di kampung atau daerah, tidak digunakan sepenuhnya atau tiada berfungsi langsung.

Katanya, ini menunjukkan desakan atau permintaan pihak tertentu pada peringkat awal dengan mengatakannya bahawa dewan orang ramai seperti itu amat perlu, sebenarnya tidak betul di sesetengah tempat.

"Diberitahu kepada kita keperluan itu sebab banyak orang nak gunakan di kampung atau daerah kerana tiada kemudahan seumpama itu. Maka perlu dibina tetapi bila dibina, tak diguna pula.

"Mungkin tiada aktiviti di dewan itu atau kemudahannya rosak. Saya pernah ke dewan orang ramai untuk membasuh tangan atau ke tandas tetapi mendapati ia kotor, tiada bekalan air dan busuk," katanya.

Beliau berkata, lapan daripada 10 kes tandas di dewan orang ramai yang pernah dilawatinya mendapati

keadaannya kotor berikutan tiada bekalan air atau rosak disebabkan penyelenggaraannya jarang dilakukan.

Abdullah berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Perbendaharaan dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) perlu membuat pemantauan rapi termasuk turun padang.

"Kalau satu kelemahan pihak kontraktor, buat kerja tak betul, tak elok, maka kita boleh buat teguran serta merta, kita beri amaran yang wajar. Dengan itu, projek dapat dilaksanakan dalam masa dijadualkan.

"Ada pula kontraktor mengeluh sebab bayaran kemajuan projek tidak dibayar. Maka dengan itu, kontraktor kecil tak mampu nak laksanakan" katanya.